

Program Setapak Merentasi Sempadan Phnom Penh, melakar sejuta rasa berkarga

UB 10/08/2011 B3

JAWATANKUASA

Kebajikan Mahasiswa (Jakmas), Kolej Kediaman Anugerah Bestari (AB) Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan Program Setapak Merentasi Sempadan 2011 di Phnom Penh, Kemboja baru-baru ini. Seramai tujuh pelajar dan seorang pegawai pengiring mengikuti program berkenaan.

Mereka yang terlibat dalam menjayakan program ini ialah Sheila Darno selaku Pengarah Program, Mohammad Aliff Othman (YDP Kolej Kediaman AB), Nabila Zakaria (NYDP Kolej Kediaman AB), Aida Rosli (Setiausaha Jakmas AB), Patriani Mustapha (Bendahari Jakmas AB), Nabellah Mustapha (Exco 3K Jakmas AB), dan Zumadi Andi (EXCO Latihan dan Kepimpinan MPP UMS), dengan diiring pegawai pengiring Talib Abdullah Shani (Pengetua Kolej kediaman AB).

Menurut Pengarah Program berkenaan, Sheila Darno, antara pengisian yang dilakukan sepanjang program itu berlangsung ialah khidmat masyarakat di Perkampungan Islam Choy Metrey, diskusi dan lawatan muhibah di University Of Cambodia dan University Royale Of Phnom Penh, lawatan muhibah ke Kedutaan Malaysia di Kemboja, sesi motivasi dengan usahawan Malaysia di Kemboja, dan lawatan sekitar Phnom Penh.

Objektif pelaksanaan program ini ialah untuk melatih pelajar cara mengorganisasi satu aktiviti dengan berkesan di samping



DISKUSI ILMU... Diskusi ilmu bersama pelajar University Of Cambodia dan Royale University of Phnom Penh.

ingin melahirkan modal insan yang berfikiran global. Selain itu, program ini juga bertindak sebagai satu wadah pelajar untuk mengasah bakat kepimpinan dalam mengorganisasi satu program dengan baik dan berkesan.

Berikut adalah bingkisan yang dikongsikan oleh peserta rombongan ketika menjayakan program berkenaan yang berlangsung selama 10 hari pada 8 hingga 13 Julai lepas.

Tanah Diraja Kemboja mengungkap berjuta rahsia yang menjadi tanda tanya. Hairan, lucu, gelisah, dan sayu bercampur menjadi satu apabila melihat suasana yang sememangnya jauh berbeza dengan bumi bertuah Malaysia. Dari pandangan mata yang memerhati setiap sudut di sekitar bandar Phnom Penh, hati kecil ini dapat merasakan betapa kerdil dan naifnya masyarakat baik dari segi pematuhan undang-undang, kegiatan ekonomi, mahupun kegiatan

sosial harian. Bukan niat mahu memperkecil-kecilkan budaya dan kemampuan rakyat yang dipimpin oleh seorang Raja yang banyak membawa perubahan, namun inilah realiti hidup yang membelenggu negara yang baru bertatih menjunjung nikmat demokrasi. Persoalan demi persoalan datang tanpa henti. Seolah-olah hamparan citra kehidupan manusia di bumi Kemboja ini sukar untuk diungkap dan ditafsir dengan akal dan kata-kata.

Perjalanan singkat ini melakar sejuta rasa yang amat berharga. Kami belajar betapa pentingnya semangat untuk meneruskan hidup. Belajar untuk menghargai hidup walau derita dan sengsara menjadi duri penghalang jalan yang terbentang. Inilah nikmat dan erti perjuangan buat manusia yang bernama insan. Choy Metrey menjadi saksi kepada mata-mata yang selama ini hanya tahu mengeluh dan berdolal-dalih dengan kesusahan yang

dimiliki. Rupa-rupanya, masih ada insan yang jauh lebih susah, sengsara, dan sentiasa mengalirkan air mata. Sekumpulan anak kecil berbaju merah gigih mengungkap bait-bait Al-Qasy'ah walau teduhnya cuma papan lapis yang hampir tiga dekad usianya. Lihatlah, inilah semangat anak watan yang mengabdikan hidup semata-mata untuk keluarga, agama dan bangsa tercinta. Bagi mereka, hanya ilmu yang boleh menukar beras secupak menjadi segantang, kain sejengkal menjadi seela, dan wang seryeil kepada sedolar. Alangkah baiknya jika semangat yang sama turut menghiasi perjuangan kita di tanah yang serba ada ini. Namun sayang, mungkin kesenangan dan keselesaan membuatkan kita terlalu sukar untuk memikirkan kesusahan hidup yang bakal mendatang.

Meneruskan perjalanan menyelusuri kampung yang

diwarnai dengan pasak-pasak tiang kayu usang, tiba-tiba seorang budak kecil gigih menggendong adik kecilnya singgah di depan mata. Kata-katanya sedikit pun tidak kami fahami. Namun, raut wajah dan air mata membuatkan kami mengerti bahawa anak kecil ini mendamba ihsan untuk kami hulurkan sedikit wang untuk membeli makanan. Sekali lagi hati diruntun sayu dan pilu, mengenangkan hidup seorang anak yang gigih berjuang menghadapi hidup. Dengan tangan menghulur ryeil Cambodia, kami hanya mampu tersenyum dan mengusap si kecil yang entah mengerti atau tidak nikmat kesenangan dan kegembiraan. Jauh di sudut hati, kami memanjat doa mudah-mudahan anak kecil ini mampu menjadi tangan-

tangan yang bisa menuntun diri dan keluarga ke jalan yang siang dan malamnya sentiasa terang.

Hari berikutnya, kami berkunjung ke tapak persemaian ilmu kebanggaan rakyat Kemboja, iaitu Royale University Of Phnom Penh dan University Of Cambodia. Pusat ilmu yang telah berjasa kepada beribu-ribu jiwa ini tampak berbeza dengan universiti yang kami bangga-banggakan. Sekalipun kebanyakan tempat beralas pelajar masih berasaskan kayu-kayan, namun semangat dan keazaman mereka meneroka ilmu kelihatan lebih ke hadapan. Di sudut-sudut hamparan rumput yang tumbuh menghijau, mata ini terpanah dengan kegigihan pelajar menelaah ilmu pengetahuan sekalipun panas rakus datang tanpa

diundang. Tulisan kemas France Language yang tertera pada muka hadapan buku yang dipegang mereka menampilkan kesungguhan meneroka ilmu pengetahuan. Bagi mereka, hanya satu harta yang boleh merubah hidup yang serba tiada, iaitu ilmu, ilmu, dan sememangnya ilmu.

Bingkisan di tanah ini sememangnya mengungkap berjuta rahsia yang sangat berharga buat insan seperti kami yang masih merangkak mencari ilmu. Sesungguhnya, perjalanan singkat ini juga telah memeteri satu perkara yang perlu diingat sampai mati, iaitu kejayaan tidak akan datang tanpa pengorbanan dan perjuangan tanpa henti. Mudah-mudahan, jasad ini bisa kita abadikan buat diri, keluarga, universiti, agama dan bangsa tercinta kelak.



MOTIVASI... Sesi motivasi bersama usahawan Malaysia di Kemboja, iaitu En Benjamin.